

24 DEC 2001

MCA-Indera Kayangan

TUJUH KETUA PEMUDA MCA NEGERI BINCANG PERSIAPAN PILIHAN RAYA KECIL

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Tujuh ketua Pemuda MCA negeri bertemu di sini hari ini bagi membincangkan persiapan menghadapi pilih raya kecil negeri Indera Kayangan akan datang.

Jurucakap kumpulan itu, Hang Chin Peng, berkata mesyuarat itu diadakan di pejabat salah seorang anggotanya dan dihadiri tujuh ketua Pemuda negeri. Pulau Pinang dan Perak masing-masing menghantar wakil.

"Hanya Perlis, Sabah, Kedah dan Pahang tidak menghantar wakil. Beberapa anggota seperti Ketua Pemuda Sabah berada di luar negara kerana bercuti," kata beliau ketika dihubungi.

Beliau berkata mesyuarat itu dipengerusikan oleh Datuk Ch'ng Toh Eng yang juga Ketua Pemuda MCA Selangor dan antara agenda ialah persiapan menjelang pilihan raya kecil negeri bagi kawasan Indera Kayangan.

"Kami mengadakan perjumpaan ini berikutan penolakan Datuk Ong Tee Keat untuk mengetuai pasukan kempen MCA seperti yang diumumkan oleh jawatankuasa khas," kata beliau.

Beliau berkata mesyuarat itu diadakan untuk membuat perancangan positif pasukan kempen Pemuda MCA yang bercadang bekerja keras untuk memastikan kemenangan calon Barisan Nasional nanti.

"Kami sebenarnya kecewa dengan penolakan Datuk Ong daripada mengetuai pasukan kempen Pemuda MCA. Kami mahu menjadi sebuah pasukan, bukan dua pasukan, A atau B," kata beliau.

Hang berkata dengan menerima pelantikan Jawatankuasa Khas parti untuk mengetuai pasukan kempen MCA, Ong akan berpegang dengan janjinya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan krisis parti dengan penuh keikhlasan.

"Kami berharap beliau akan mengubah pendirian itu," kata beliau

Pada 22 Dis, Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Jawatankuasa Pusat parti untuk mengambil alih Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA, telah melantik Ong mengetuai pasukan kempen Pemuda MCA untuk pilihan raya kecil itu.

Pelantikan itu diumumkan oleh tiga anggota jawatankuasa itu yang mengandungi Wang Choon Wing, Datuk Hon Choon Kim dan Datuk Poh Ah Tiam dalam satu kenyataan yang dikeluarkan kepada media di sini.

Bagaimanapun, Ong menolak lantikan itu kerana beliau akan mengetuai kempen pilihan raya kecil Indera Kayangan atas kedudukannya sebagai naib pengerusi Pemuda Barisan Nasional.

-- BERNAMA

AT RZS ZB